

## SIASATAN ADUAN DAN OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

3 SEPTEMBER 2021, MELAKA - Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah menjalankan siasatan berkaitan aduan pembakaran terbuka di kawasan pekan Durian Tunggal, Melaka Tengah.

Hasil pemeriksaan mendapati tempat yang diadu terdapat kesan pembakaran terbuka tetapi tiada pembakaran terbuka dikesan sewaktu siasatan. Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah memberi amaran larangan pembakaran terbuka secara lisan kepada pihak yang diadu.

Bagi pesalah yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan. Sila lakukan amalan lestari dirumah dan elakkan aktiviti pembakaran terbuka untuk kesejahteraan bersama.

Aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar boleh disalurkan di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama